



EDISI
3/2019

MyGDI

NEWSLETTER

www.mygeoportal.gov.my

facebook.com/mygeoportal

KANDUNGAN

PERKHIDMATAN MyGDI MENARIK MINAT KOLABORATIF AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) [Halaman 1](#)

GEOSPATIAL BANTU MELANCARKAN PERKHIDMATAN INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) [Halaman 2](#)

BENGKEL SEMAKAN PANGKALAN DATA NAMA GEOGRAFI DAN GAZETIR KEBANGSAAN (PDNG) NEGERI JOHOR [Halaman 3](#)

MyGEOPORTAL BAHARU KINI SEDIA DILAYARI! [Halaman 4](#)

PERKHIDMATAN MyGDI MENARIK MINAT KOLABORATIF AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)



PUTRAJAYA - Pada 26 Ogos 2019, MaCGDI telah menyantuni delegasi lawatan kerja daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Delegasi AADK diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Khairil Anuar bin Karim, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, AADK. AADK merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang berpangkalan di ibu pejabatnya di Kajang, bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan membanteras penyalahgunaan dadah di Malaysia.



Lawatan kerja ini merupakan salah satu sesi perkongsian dua hala berkaitan maklumat geospatial, khidmat nasihat serta perkhidmatan Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI) bagi melancarkan lagi pelaksanaan tugas AADK.

Antara agenda lawatan kerja ini ialah para pegawai AADK diberi penerangan yang lebih terperinci mengenai peranan MaCGDI sebagai agensi penyelaras perkongsian maklumat geospatial di Malaysia di bawah Program MyGDI. Selain itu, MaCGDI turut membentangkan data-data geospatial yang tersedia dalam Program MyGDI serta hasil kejayaan kolaboratif bersama agensi lain melalui aplikasi Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS). MaCGDI ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak delegasi AADK kerana telah mengunjungi MaCGDI dan berharap usaha kolaboratif ini berjaya bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan bersama.

GEOSPATIAL BANTU MELANCARKAN PERKHIDMATAN INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)



PUTRAJAYA - Pada 3 Oktober 2019, usaha kolaboratif geospatial MaCGDI bersama agensi lain diteruskan bersama Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). MARDI yang diketuai oleh YBrs. Puan Aida Al-Quswa binti Mohamad Ali selaku Timbalan Pengarah, Program Pengurusan Data dan Maklumat, Pusat Pengurusan ICT telah mengadakan lawatan kerja ini bertujuan membincangkan potensi MARDI berkolaboratif bersama MaCGDI dalam perkongsian maklumat geospatial.



SCAN ME

Imbas kod QR ini untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan:

Permohonan Lawatan Ke MaCGDI

Puan Hajah Abrizah binti Abdul Aziz, Pengarah MaCGDI telah mempengerusikan sesi lawatan kerja ini. MARDI sebagai sebuah badan berkanun yang diamanah untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang makanan dan pertanian serta industri asas tani. Selain itu, MARDI turut menyediakan khidmat teknikal dan pembangunan usahawan dalam bidang makanan, pertanian serta khidmat lain dalam industri berkenaan.

Justeru, MARDI telah mengurus dan membangunkan pelbagai maklumat berkaitan perkhidmatannya dalam bentuk geospatial bagi melancarkan lagi fungsi dan operasi mereka. Di sesi lawatan kerja ini, MaCGDI turut menawarkan perkhidmatan utama kepada MARDI seperti aplikasi MyGOS dan MyGeoTranslator.

MARDI merupakan nama yang tidak asing lagi bagi pihak MaCGDI kerana telah kerap berhubung dengan mantan penyelidiknya iaitu YBrs. Dr. Muhamad Razali bin Mispan dalam beberapa siri mesyuarat dan perbincangan berkaitan standard. MaCGDI menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada delegasi MARDI kerana telah mengunjungi MaCGDI dan berharap usaha seperti ini berterusan agar dapat meningkatkan lagi usaha perkongsian maklumat geospatial.

Akta MARDI 1969 telah membawa kepada penubuhan MARDI pada 28 Oktober 1969.

BENGKEL SEMAKAN PANGKALAN DATA NAMA GEOGRAFI DAN GAZETIR KEBANGSAAN (PDNG) NEGERI JOHOR



PUTRAJAYA - Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG) merupakan bank data yang menyimpan nama, lokasi, sejarah dan entiti nama geografi yang telah disahkan dalam format yang tekal untuk kegunaan rasmi kerajaan serta rujukan awam. Pembangunan PDNG adalah menggunakan data-data yang diperolehi dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Pusat Hidrografi Nasional (PHN). Seterusnya, nama geografi tersebut akan disahkan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum dimuat naik ke dalam PDNG.



SCAN ME

**Imbas kod QR ini untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan:
Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG)**

Keseluruhan pangkalan data nama geografi ini dipaparkan kepada pengguna secara dalam talian melalui Aplikasi MyGeoName yang dibangunkan oleh MaCGDI. MaCGDI turut bertindak selaku sekretariat Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (KKPDNG) yang menjalankan kerja-kerja semakan terhadap PDNG tersebut.

Oleh yang demikian, satu bengkel melibatkan agensi-agensi Negeri Johor telah dilangsungkan pada 2 hingga 3 Oktober 2019, bertempat di Bilik COE, MaCGDI bertujuan untuk menjalankan semakan terhadap senarai nama-nama geografi PDNG di seluruh Negeri Johor.

Terdapat dua (2) garis panduan yang digunakan bagi penentuan nama geografi iaitu Garis Panduan Penentuan Nama Geografi dan *Malaysian Standard MS 2256:2009 Geographic Information-Guidelines for the Determination of Geographical Names*.

MyGEOPORTAL BAHARU KINI SEDIA DILAYARI!

Seiring dengan perubahan teknologi yang terkini dan lebih interaktif, MaCGDI sebagai penyelaras Program MyGDI telah melancarkan MyGeoportal versi baharu pada 13 September 2019 lalu. MyGeoportal adalah singkatan bagi ‘Malaysia Geoportal’ berperanan sebagai portal dalam talian yang menjadi sumber rujukan setempat maklumat serta perkhidmatan perkongsian geospatial bagi agensi kerajaan di Malaysia. Perkembangan aktiviti MyGDI yang dipaparkan dalam MyGeoportal turut boleh menjadi rujukan kepada pengunjung yang terdiri daripada akademia, awam dan swasta.

MyGeoportal baharu membolehkan pengguna melayari dengan lebih lanjut aktiviti pelaksanaan Program MyGDI, inisiatif dan aplikasi-aplikasi yang berkaitan perkongsian geospatial dengan lebih interaktif. Dengan kewujudan MyGeoportal baharu ini, diharapkan dapat menjadikan perkhidmatan MyGDI lebih terkini, mesra pengguna dan mudah dicapai.

MyGeoportal kini sedia dilayari di <https://www.mygeoportal.gov.my>.

The screenshot shows the MyGeoportal homepage with a banner featuring the text "GEOSPATIAL TECHNOLOGY a priority for future planning". Below the banner, there's a section titled "About MyGDI" with a brief description of the program. Further down, there are icons for "GEO DATA DEVELOPMENT", "POLICIES AND STANDARDS DEVELOPMENT", "GEOGRAPHICAL SERVICES", "ICT INFRASTRUCTURES", "RESEARCH AND DEVELOPMENT", and "OUTREACH". At the bottom, there's a grid of screenshots for various MyGDI initiatives like MyGOS, MyGeoMap, MyGeotranslator, and MyGeoGame.



Imbas kod QR ini
untuk layari:
MyGeoportal

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJANAN PERSEKUTUAN

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156

FAKS: 03 - 8889 4851

LAMAN WEB: www.mygeoportal.gov.my



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN
SUMBER ASLI